

SOALAN NO.: 302

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

SOALAN :

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah usaha dan langkah yang telah di ambil oleh Kementerian dalam meningkatkan tanaman lada di kawasan Semenanjung Malaysia, dan apakah insentif Kerajaan dalam mengawal jenama Lada Malaysia agar ia tidak disalah guna oleh pengeluar lada yang menggunakan *brand* haram.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah mengambil beberapa usaha dan langkah dalam meningkatkan tanaman lada di kawasan Semenanjung Malaysia menerusi pelaksanaan dua (2) program utama iaitu:

i) Program Pembangunan Industri Lada

Melalui program ini para pekebun dibantu dengan input pertanian seperti baja dan *dolomite*, insentif untuk tiang sokongan dan keratan lada, peralatan ladang dan khidmat nasihat teknikal.

Mulai tahun 2011 hingga 2017, seramai empat ratus lapan puluh lapan (488) orang pekebun lada telah dibantu yang melibatkan keluasan 180.5 hektar dengan peruntukan sebanyak RM2,810,580.00

ii) Program Kesedaran (*Awareness*)

Program ini merangkumi seminar, kursus, pameran dan promosi dalam negeri yang bertujuan untuk mempromosikan penanaman lada dan juga produk-produk yang berasaskan lada yang giat dilaksanakan semenjak tahun 2012 di Semenanjung Malaysia.

Sehingga kini, keluasan tanaman lada di Semenanjung Malaysia dianggarkan 236 hektar yang diusahakan oleh seramai 193 orang pekebun.

Tuan Yang Di-Pertua,

Setakat ini tiada insentif daripada MPB dalam mengawal jenama Lada Malaysia. Walau bagaimanapun, pengeksport perlu mendapatkan Sijil Gred Lada daripada MPB sekiranya hendak mengeksport lada. Selain itu, setiap bag lada akan dipasang label mengikut gred oleh MPB bagi konsainan tersebut sebelum dieskport. Langkah-langkah tersebut dilaksanakan oleh MPB bagi mengawal kualiti lada Malaysia.

Sekian, terima kasih.